

25 OCT 2003

Jasa-PM (Bergambar)

JASA PM DIHARGAI OLEH GENERASI BARU

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk M. Kayveas hari ini melancarkan program "Dr Mahathir Jasamu Dikenang - Legasi Seorang Lagenda" yang bermatlamat mendedahkan generasi baru terhadap jasa dan pengorbanan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sejarah menunjukkan bila seseorang pemimpin yang turun dan tidak mempunyai kuasa, ia tidak dikenang malah mungkin akan dilupakan. Di Malaysia, situasi kita unik. Kita tidak melupakan jasa pemimpin," kata Kayveas pada sidang media sempena majlis itu.

Dalam ucapannya Kayveas berkata pelbagai dasar oleh kerajaan di bawah pimpinan Dr Mahathir seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pandang Ke Timur dan Wawasan 2020 berjaya meletakkan Malaysia sebagai Harimau Asia.

Malahan, katanya, kebolehan beliau menyelesaikan kemelut ekonomi negara ketika krisis mata wang 1998 juga amat dikagumi oleh masyarakat luar.

"Banyak yang kita boleh pelajari dari Dr Mahathir. Pemimpin boleh dianggap sebagai buku yang ilmunya boleh ditimba. Generasi baru harus tahu apa yang telah dilakukan oleh beliau. Bagaimana beliau berjaya melakukan sesuatu dengan caranya sendiri walaupun dikritik," kata Kayveas.

Program selama sehari itu menyaksikan penyertaan pelbagai peringkat umur dan kaum dalam pertandingan melukis bertema "Legasi Seorang Lagenda".

Kebanyakan peserta melukis gambar Perdana Menteri bersama dengan simbol kemajuan negara di bawah kepimpinannya seperti Menara Berkembar Petronas, Pusat Pentadbiran Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kayveas yang juga Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP) berkata parti itu menjemput Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke perhimpunan agung parti itu esok.

Katanya dalam perhimpunan itu nanti beliau akan membangkitkan isu mengenai rasuah berdasarkan pengalamannya sebagai timbalan menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebelum ini dan mengenai nasib anak-anak yang lahir hasil daripada perkahwinan antara rakyat tempatan dan rakyat asing.

-- BERNAMA

AY KHY RHM